



DASAR PEMBERI MAKLUMAT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

1.0 Nama dan tarikh kuatkuasa

- 1.1 Dasar ini bolehlah dinamakan Dasar Pemberi Maklumat Universiti Kebangsaan Malaysia (Dasar Pemberi Maklumat UKM);
- 1.2 Dasar ini berkuatkuasa mulai **7 Mac 2019**; dan
- 1.3 Pemberi maklumat yang telah menyalurkan maklumat sebelum pada tarikh kuatkuasa yang ditetapkan oleh LPU, disifatkan telah memberi maklumat di bawah Dasar ini.

2.0 Tafsiran

Dalam Dasar ini, melainkan jika konteksnya mengkehendaki makna yang lain:

“Pemberi maklumat” ertinya mana-mana orang yang menyalurkan, melaporkan, mengadu atau mendedahkan apa-apa kelakuan tidak wajar atau maklumat dengan suci hati kepada UKM; dan

“UKM” ertinya Universiti Kebangsaan Malaysia dan termasuklah pihak berkuasa yang dilantik atau diberi kuasa untuk menguruskan segala perkara berkait dengan Dasar ini.

3.0 Dasar Pemberi Maklumat UKM

- 3.1 UKM menggalakkan semua pihak berkepentingan dengan UKM untuk melaporkan apa-apa perbuatan warga UKM yang mungkin menyalahi undang-undang, tidak beretika atau perbuatan yang tidak wajar;
- 3.2 UKM akan memastikan identiti pemberi maklumat dirahsiakan dan tidak boleh dikenakan apa-apa tindak balas terhadapnya, misalnya peluang kenaikan pangkat dan penilaian prestasi tahunan;
- 3.3 UKM akan mengambil tindakan segera dan sewajarnya untuk menyiasat laporan yang diterima mengikut prosedur pengurusan aduan yang berkuatkuasa;

- 3.4 Semua maklumat yang diterima UKM adalah bertaraf SULIT;
- 3.5 UKM boleh mengambil tindakan tatatertib atau tindakan lain yang sewajarnya ke atas pemberi maklumat sekiranya didapati membuat laporan berunsur fitnah, berniat jahat atau palsu;
- 3.6 Dasar ini tidak terpakai kepada pemberi maklumat yang membuat apa-apa pendedahan secara terbuka yang boleh mengaibkan seseorang dan menjatuhkan imej universiti, termasuk melalui paparan di media sosial; dan
- 3.7 UKM akan mengkaji semua Dasar ini setiap dua tahun atau mana-mana tempoh lebih pendek sekiranya perlu untuk menilai keberkesanannya.

4.0 Kategori salah laku dan tatacara membuat laporan

- 4.1 Pemberi maklumat boleh menyalurkan maklumat sekiranya mengetahui berlakunya mana-mana perkara seperti berikut:
 - a) Kejadian rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan;
 - b) Kesalahan jenayah, penyalahgunaan dadah;
 - c) Kelakuan atau aktiviti yang melanggar mana-mana undang-undang;
 - d) Pelanggaran dasar, peraturan-peraturan, prosedur UKM;
 - e) Pelanggaran kerahsiaan atau penyalahgunaan maklumat UKM
 - f) Kelakuan yang ada konflik kepentingan termasuk hubungan dengan pembekal, kontraktor atau perunding;
 - g) Kejadian penipuan; atau
 - h) Apa-apa salah laku lain yang menjelaskan kepentingan UKM.
- 4.2 Setiap laporan perlu memberikan maklumat yang berkualiti merangkumi perkara-perkara berikut:
 - a) Nama pihak-pihak terlibat;
 - b) Tarikh, masa dan tempat kejadian;
 - c) Keterangan mengenai salah laku;
 - d) Dokumentasi dan rekod yang terlibat;
 - e) Nama pengadu*;
 - f) No.telefon pengadu*; dan
 - g) E-mel pengadu*;
- *4.3 Nama, No.telefon dan e-mel pengadu adalah perlu bagi tujuan mendapatkan maklumat tambahan, keterangan dan rujukan siasatan. Walau bagaimanapun, pemberi maklumat boleh memilih untuk tidak mendedahkan identitinya. UKM juga berhak untuk tidak mengambil apa-apa tindakan jika maklumat yang diberikan tidak lengkap.

4.4 Laporan boleh dibuat melalui saluran berikut:

Sistem Maklum Balas & Aduan UKM (eFACT) UKM	https://www.ukm.my/efact/
E-mel	aduanintegriti@ukm.edu.my
Surat	Ketua Unit Integriti Aras 5 Bangunan Canselori Universiti Kebangsaan Malaysia 43600 UKM Bangi, Selangor

4.5 Sebarang pertanyaan dan maklumbalas mengenai Dasar ini boleh hubungi **Unit Integriti UKM** ditalian **03-89213812/ 3139/ 5008** atau e-mel kepada integriti@ukm.edu.my.

-TAMAT-

Kelulusan:
Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti
Bil.3/2019 bertarikh 7 Mac 2019